



Headline: Wang simpanan penyelia lesap disonglap Language: Malay
sindiket

Publication/Portal: Kosmo

Section: Negara

Date: 27 March 2019

Page: 3

Wang simpanan penyelia lesap disonglap sindiket

SEBERANG PERAI - Seorang penyelia sebuah syarikat kerugian RM11,999 selepas diperdaya sindiket Macau Scam yang menyamar sebagai pegawai bank di sini semalam.

Ketua Polis Daerah Seberang Perai Utara, Asisten Komisioner Noorzainy Mohd. Noor berkata, wanita berusia 49 tahun tersebut didakwa telah menggunakan kad kredit semasa di Puchong, Selangor oleh sindiket.

“Mangsa kemudian telah

disambungkan kepada seorang lelaki yang menyamar sebagai pegawai polis selepas mendakwa dia tidak menggunakan sebarang kad kredit. Akibat takut, dia telah mengikut arahan suspek untuk pergi ke mesin pengeluaran wang automatik di rumahnya di Kepala Batas.

“Selepas memberikan nombor pin, mangsa terkejut apabila mendapati kesemua wangnya telah lesap. Mangsa yang sedar telah ditipu kemudian membuat laporan polis,” katanya.